

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Jun**

**2 $\frac{1}{4}$  jam**

**1103/1**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[*Lihat halaman sebelah*



1 1 0 3 7 1 - 1

**Bahagian A**


[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada punca keracunan makanan.

Huraikan pendapat anda tentang punca-punca keracunan makanan.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.*

- 1 Kerjaya seseorang dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti minat, bakat, kemahiran dan pencapaian akademik.  
Ulas pernyataan tersebut.
- 2 Setiap keluarga disarankan agar mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan seharian.  
Huraikan pendapat anda tentang cara-cara berjimat cermat.
- 3 Anda ingin menulis sebuah rencana untuk dimuatkan dalam sebuah akhbar tempatan. Tajuk rencana tersebut ialah ‘Amalan Gaya Hidup Sihat Dapat Meningkatkan Kualiti Hidup’.  
Tulis rencana itu selengkapnya.
- 4 Selain Malaysia yang mempunyai pelbagai keistimewaan, negara-negara lain juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri.  
Jelaskan keistimewaan-keistimewaan sebuah negara lain yang menjadi pilihan anda.
- 5 Peribahasa ‘ukur baju di badan sendiri’ bermaksud berbuat sesuatu atau bertindak atau berbelanja mengikut kemampuan diri sendiri.  
Bincangkan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Jun

2½ jam

1103/2

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

**Soalan 1 : Rumusan****[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kelebihan-kelebihan penerapan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan usaha-usaha ibu bapa untuk menyokong pelaksanaan KBAT dalam pendidikan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pendidikan merupakan antara bidang yang mengukuhkan pembangunan komuniti dan pembangunan ekonomi di sesebuah negara. Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan dunia, sistem pendidikan di Malaysia turut mengalami transformasi agar setanding dengan pendidikan pada peringkat global. Kini, terdapat perubahan baharu dalam dunia pendidikan negara, iaitu penerapan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Transformasi pendidikan yang berkonsepkan KBAT ini berupaya untuk melahirkan murid-murid yang mampu membuat penaakulan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Oleh hal yang demikian, guru merupakan golongan yang perlu bertindak untuk merealisasikan KBAT dalam sistem pendidikan.

Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menerapkan unsur KBAT sangat penting diajar di dalam bilik darjah. Guru-guru dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran, iaitu tidak terhad kepada buku teks dan lembaran kerja sahaja. Hal ini dapat dilakukan apabila guru menggunakan peta pemikiran atau *i-Think* semasa sesi pengajaran. Pengajaran guru menjadi lebih menyeronokkan dan mudah difahami. Dalam hal ini, KBAT boleh diaplikasikan melalui sesi soal jawab. Contohnya, dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang berfokus kepada kemahiran lisan, guru-guru seharusnya mengemukakan soalan-soalan yang dapat mengundang respons yang pelbagai daripada murid-murid.

Melalui pengaplikasian KBAT ini, murid bebas untuk menjelaskan sebab dan akibat mengikut pandangan mereka sendiri. Contohnya, jika diajukan soalan, murid boleh memberikan jawapan dalam pelbagai bentuk dan sudut pandangan. Kelebihan lain ialah murid dapat meningkatkan keupayaan dan kebolehan sedia ada. Mereka akan dapat mengawal, memandu dan mengukur pembelajaran yang telah dikuasai di samping meningkatkan sikap ingin tahu, berani mencuba dan mampu belajar secara proaktif. Akhirnya, proses pembelajaran menjadi lebih mantap apabila murid berupaya menerapkan unsur KBAT dalam bentuk lisan dan penulisan. Melaluinya, murid dapat mengemukakan pelbagai pendapat dan idea baharu secara kreatif. Di sini guru berpeluang untuk memberikan komen, galakan dan tunjuk ajar agar murid dapat *membaiki kelemahan* mereka.

Pendekatan KBAT juga meliputi kaedah kerja lapangan di luar bilik darjah. Kaedah ini melibatkan murid-murid bekerjasama dalam kumpulan untuk mencari dan mengumpulkan data mentah secara saintifik, iaitu melalui teknik temu bual, soal selidik atau pemerhatian. Melalui kaedah ini, guru dapat menerapkan nilai-nilai murni yang penting bagi melahirkan generasi yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek serta sosial. Sesungguhnya, penerapan unsur KBAT dalam PdPc merupakan usaha untuk memperkasakan pendidikan negara ke arah menjanakan pemikiran global dan kemenjadian murid.

Dipetik dan diubah suai daripada  
“KBAT Pendidikan Abad ke-21”  
oleh Nur Hidayah Ismail  
*Pelita Bahasa*, Mac 2015

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *membaiki kelemahan*. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan bahawa terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk menerapkan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).  
Nyatakan kaedah-kaedah tersebut. [3 markah]
- (iii) KBAT merupakan pelengkap pembentukan modal insan dalam sistem pendidikan negara.  
Pada pendapat anda, selain melahirkan generasi yang seimbang, apakah ciri-ciri modal insan yang dapat dilahirkan apabila rakyat negara kita menguasai KBAT? [4 markah]

*[Lihat halaman sebelah*

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

POSMEN: Ada sesiapa yang bernama Aiman Faizullah bin Khir Ghazali di rumah ini?

AIMAN: Ada, sayalah orangnya. Surat apa ini?

POSMEN: Surat daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara. Ini bermakna, adik terpilih untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Bagus program itu. Kalau umur abang macam adik, pasti abang tak akan lepaskan peluang ini.

AIMAN: Abang buang saja surat ini. Saya tak berminat langsung. Buat apa nak bersusah payah sertai program macam ini. Ayah saya banyak duit. Apa yang saya nak, semua boleh dapat. Buang masa dan tenaga saja program macam ini. Untuk orang susah bolehlah. Maklumlah, dapat makan percuma enam kali sehari, tempat tidur dan pakaian semua diberikan. Siap dapat RM50.00 lagi ... ha ... ha ... ha.

POSMEN: Tak baik cakap macam itu, banyak faedahnya program seperti ini. Cuba jangan fikir tentang duit dan makan minum tu. Cuba fikirkan tentang kemahiran dan pengalaman yang akan diperoleh nanti.

AIMAN: Abang ini cakap banyak pula, macamlah abang pernah sertai program tu.

POSMEN: Memanglah abang tak pernah sertai program itu. Tapi, hasil daripadanya, dah banyak yang abang nampak.

Dipetik daripada drama ‘Berkhidmat untuk Negara’  
oleh Affix Zulkarnaen Adam  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, apakah reaksi Aiman apabila menerima surat daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara? [2 markah]
- (ii) Aiman merupakan contoh peserta yang menolak tawaran untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara.  
Pada pendapat anda, apakah pendekatan-pendekatan yang perlu diambil bagi memastikan remaja seperti Aiman bersetuju untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Aiman yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** perwatakan Aiman yang lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya. Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu *mendengar khabar* Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, “Mati engkau, Cau Pandan.”

Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, “Jikalau sungguh mati Cau Pandan, sungguhlah tuan keramat.”

Adapun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati. Maka tidaklah jadi Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu. Maka itulah diperbuatkan orang menyanyi:

Cau Pandan anak Bubunnya,  
Hendak menyerang ke Melaka;  
Ada cincin berisi bunga,  
Bunga berladung si air mata.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *mendengar khabar*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan perkara-perkara yang berlaku setelah Tuan Sidi Arab menghalakan panahnya ke benua Siam lalu berkata “Mati engkau, Cau Pandan.” [3 markah]
- (iii) Semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, Siam sering mengancam untuk menyerang Melaka.  
Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan Siam mahu menyerang Melaka? [3 markah]

*[Lihat halaman sebelah*

**Soalan 2(d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Gelanggang**

Ini gelanggang kita  
yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih  
lima dekad yang lalu  
satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu  
di kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat  
dan air mata  
dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat  
berpadu  
kita pelihara gelanggang ini dengan kejap sepenuh hati  
kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat  
kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai  
keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang menangkis tohmahan  
demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini  
suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh  
hati nurani  
kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah  
gelanggang  
jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri.

Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah  
elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini  
agar kecemerlangan tercenna di persada arena  
terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri  
membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati  
kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

**Onn Malini**  
*Pohon Tradisi, 2012*  
Gapeniaga Sdn. Bhd.

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan **satu** tanggungjawab pewaris dan **satu** tanggungjawab para pendekar kepada gelanggang. [2 markah]
- (ii) Anda merupakan pewaris yang mungkin menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.  
Nyatakan ciri-ciri negara yang anda harapkan sekiranya anda menjadi seorang pemimpin. [3 markah]
- (iii) Huraikan tema sajak tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa****[30 markah]****Jawab semua soalan.**

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) hadapan
- (ii) harapan
- (iii) menjirus
- (iv) menjurus
- (v) mengendahkan
- (vi) mengindahkan

**[6 markah]**

- (b) Kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi setiap ayat seperti yang berikut:

*Subjek :* \_\_\_\_\_

*Predikat :* \_\_\_\_\_

- (i) Di negara ini, ramai atlet telah berjaya mencapai kejayaan dalam pelbagai jenis sukan.
- (ii) Songket yang menjadi lambang kehalusan seni Melayu ditenun berdasarkan kreativiti penenun.
- (iii) Bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa kerana dituturkan oleh sebahagian penduduk Asia Tenggara.

**[6 markah]**

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Langkah yang dapat diambil untuk melestari alam sekitar adalah dengan mengadakan kempen secara berterusan melalui suratkhabar, televisyen, radio, telefon bimbit dan komputer.
- (ii) Pengetahuan tentang sifat aerodinamik bulu tangkis dan teknik penggunaan reket yang betul dapat membantu permainan badminton meningkatkan kemahiran mereka.
- (iii) Pihak berkuasa tempatan mengarahkan pemilik warong di tepi jalan itu supaya dipindah ke lokasi yang lebih strategik demi keselamatan semua pihak.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kemakmuran yang rakyat kecapi sekarang merupakan hasil simbahana keringat para negarawan dan pejuang negara kita.
- (ii) Kegembiraan anak yatim-anak yatim itu jelas terpancar ketika mereka menerima anugerah pakaian baharu daripada para dermawan.
- (iii) Kenaikan harga durian secara mendesak sejak akhir-akhir ini berpunca daripada sikap peniaga supaya mahu mengaut keuntungan secara berlebihan.

[6 markah]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam petikan tersebut.*

Pada cuti penggal sekolah yang lalu, saya dan beberapa orang rakan telah berkunjung ke Pulau Langkawi. Pelbagai tempat menarik telah kami kunjungi dan banyak pengetahuan serta pengalaman baharu telah kami peroleh, bak kata orang .....(i)..... . Sekiranya kami tidak tahu arah untuk ke sesuatu destinasi yang hendak kami lawati, kami tidak berasa malu untuk bertanya kepada penduduk setempat agar kami tidak tersesat kerana .....(ii)..... . Ada ketikanya perjalanan kami amat memenatkan dan cuaca yang panas menyebabkan kami .....(iii)..... hingga pakaian kami basah dibuatnya.

[6 markah]

*[Lihat halaman sebelah*

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenant Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
  - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
  - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
  - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
  - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
  - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
  - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
  - (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** contoh peristiwa yang menunjukkan nilai ketabahan yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji,uraikan **satu** peristiwa bagi setiap novel yang pada pendapat anda dapat dijadikan panduan hidup. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**